



**IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN PENGARAH
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI (AKEPT),
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

Kementerian Pendidikan Tinggi mempelawa permohonan dari warganegara Malaysia/ penjawat awam yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan atau Badan Berkanun yang berkelayakan bagi pengisian jawatan seperti berikut :

1. Jawatan : Pengarah, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi Gred Utama B (Terbuka)

2. Kementerian/Jabatan : Kementerian Pendidikan Tinggi

3. Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi

4. Taraf Jawatan : Peminjaman/ Pertukaran Sementara/ Kontrak

5. Jadual Gaji :

Gred	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
Utama B (Terbuka)	8,315.00	22,445.00	9%

6. Elaun dan Kemudahan : Kadar bayaran elaun dan kemudahan adalah tertakluk kepada peraturan dan pekeliling semasa yang sedang berkuat kuasa

7. Syarat Lantikan : **Warganegara Malaysia**

Kelayakan masuk :

Ijazah Sarjana Muda (Kepujian)/ Ijazah Sarjana/ Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Syarat Kelayakan Bahasa Melayu :

Hendaklah memiliki Kepujian dalam Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan/ Badan Berkanun :

- a) Dilantik tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan;
- b) Mencapai markah Laporan Nilaian Prestasi Tahunan 85% dan ke atas bagi tempoh genap tiga (3) tahun berturut-turut (2020, 2021 dan 2022) dalam skim perkhidmatan terkini;
- c) Bebas daripada sebarang tindakan tatatertib;
- d) Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) apabila dipinjamkan ke gred yang lebih tinggi hendaklah telah berkhidmat di gred jawatan hakiki tidak kurang daripada lima (5) tahun kecuali memiliki kelayakan akademik di peringkat Ijazah Doktor Falsafah tidak kurang daripada dua (2) tahun atau di peringkat Ijazah Sarjana tidak kurang daripada tiga (3) tahun; dan
- e) Pegawai yang sedang menjalani sebarang bentuk latihan atau pelepasan seperti cuti sabatikal, pasca-kedoktoran atau/dan terikat dengan sebarang perjanjian dalam perkhidmatan, perlulah membuat deklarasi tersebut di dalam permohonan ini.

8. Syarat Tambahan

- : a) Mempunyai pengalaman yang luas dalam menyumbang kepakaran di Kementerian/ Agensi / Swasta di peringkat kebangsaan atau antarabangsa;
- b) Mempunyai pengalaman mengetuai jawatankuasa berkaitan pendidikan tinggi / kepimpinan / governan di peringkat kementerian / kebangsaan / antarabangsa;

- c) Mempunyai jaringan yang luas dan berimpak dalam kalangan akademik / industri / kebangsaan / antarabangsa;
 - d) Berpengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang-bidang berikut:
 - i. Kepimpinan Pendidikan Tinggi Negara dan Antarabangsa;
 - ii. Governan dan Tadbir Urus Pendidikan Tinggi;
 - iii. Pengurusan Organisasi dan Pembangunan Sumber Manusia;
 - iv. Perancangan Strategik dan *Scenario Planning*; dan
 - v. Kepimpinan Global
 - e) Berpengalaman di dalam penggubalan dasar serta hala tuju strategik Pendidikan Tinggi negara atau antarabangsa;
 - f) Berpengalaman dalam merangka Pelan Pengurusan dan Perancangan Strategik organisasi;
 - g) Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam membina jalinan strategik dalam meningkatkan ketampakan (*visibility*) organisasi; dan
 - h) Pernah menjawat jawatan pengurusan kanan universiti seperti Timbalan Naib Canselor / Penolong Naib Canselor / Dekan / Pengarah atau yang setaraf adalah satu kelebihan.
9. Fungsi/ Bidang Tugas : a) Merancang Pelan Pembangunan Kepimpinan Pendidikan Tinggi Negara yang meliputi ahli akademik dan pentadbir:
- (i) Memantau perancangan dan pelaksanaan program pembangunan kepimpinan kepada Kumpulan Bakat Kebangsaan bagi memperkasa kepemimpinan pemimpin pendidikan tinggi supaya selari dengan strategi kementerian.

- (ii) Memantau pembangunan modul kepimpinan berteraskan kompetensi supaya selari dengan hasrat kementerian.
- b) Mengkaji dan merangka hala tuju strategik Pengurusan Kepimpinan Pendidikan Tinggi Negara yang meliputi ahli akademik dan pentadbir bagi memastikan ekosistem pengurusan bakat seiring dengan agenda kepimpinan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT):
 - (i) Merancang inisiatif penginstitusian pengurusan bakat kepimpinan berdasarkan kompetensi kepada Kumpulan Bakat Kebangsaan bagi membantu pihak kementerian dalam menyediakan pelan penggantian kepada Intitusi Pendidikan Tinggi Negara.
 - (ii) Membina jalinan strategik bersama KPT, agensi kerajaan, IPT dan pihak industri dalam memperkuuhkan inisiatif pengurusan bakat.
- c) Merancang serta meluluskan perancangan projek penyelidikan/ pelaksanaan program kepimpinan pendidikan tinggi bagi memastikan kemampuan kepemimpinan pemimpin Institusi Pendidikan Tinggi:
 - (i) Meluluskan perancangan pelaksanaan projek penyelidikan bagi mengenalpasti strategi baharu supaya selari dengan aspirasi ke arah peningkatan kualiti dan nilai sesebuah institusi pengajian tinggi.
 - (ii) Merancang serta meluluskan perancangan dan pelaksanaan program kepimpinan bagi mengukuhkan sinergi rangkaian kerja strategik supaya platform perkongsian ilmu yang diadakan sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa memberi impak yang optimum kepada kecemerlangan Institusi Pendidikan Tinggi.
- d) Memantau operasi pengurusan sumber manusia, pentadbiran organisasi, pengurusan kewangan dan pembangunan supaya efisyen dan selari dengan warta yang telah digariskan oleh Kerajaan.

10. Lokasi Kekosongan : Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi,
Bandar Enstek, Negeri Sembilan.

CARA MEMOHON

- (a) Calon-calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut :
- i. Borang Maklumat Peribadi (berserta gambar berukuran passport);
 - ii. *Curriculum vitae* yang lengkap dan terkini berserta pengalaman perkhidmatan;
 - iii. Ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik;
 - iv. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - v. Salinan Sijil Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ PhD;
 - vi. Senarai tugas/ deskripsi tugas pegawai terkini**;
 - vii. Salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan/ kenyataan perkhidmatan yang lengkap dan telah dikemaskini (bermula perkhidmatan sehingga yang terkini)**; dan
 - viii. Salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi tiga (3) tahun yang terkini (Tahun 2020, 2021 dan 2022)**.

***** bagi calon Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan/ Badan Berkanun sahaja.***

- (b) Calon yang terdiri daripada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan/ Badan Berkanun hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing (*covering letter*).
- (c) Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar melalui emel ke alamat elia.hamila@mohe.gov.my.
- (d) Calon-calon yang layak dan disenarai pendek akan dihubungi untuk sesi temu duga.
- (e) Tarikh tutup permohonan ialah pada **7 Ogos 2023**.
- (f) Sebarang pertanyaan lanjut sila hubungi:

Puan Hanis Huzaira binti Abd Hanan
Pendaftar
Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi
No. Tel.: 06-7979599
Emel: hanis@mohe.gov.my